

Saya sudah teliti hasil kajian semula terakhir — PM

# SSB tunggu Kabinet lulus

UM 15 JUL 2002

Oleh ISMAIL DAUD

**P**UTRAJAYA 14 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau telah meneliti hasil kajian semula Skim Saraan Baru (SSB) yang kini hanya menunggu kelulusan Kabinet.

Perdana Menteri berkata, beliau akan membentangkan kepada Kabinet tidak lama lagi hasil kajian yang dikenali sebagai SSB II itu dan akan mengumumkan hasilnya sebaik sahaja mendapat kelulusan.

Beliau menegaskan, jika Kabinet meluluskannya, SSB II akan dilaksanakan.

“Terserahlah kepada Kabinet sama ada untuk meluluskan laporan itu atau sebaliknya,” katanya kepada pemberita selepas majlis penghargaan Kejohanan Lumba Basikal Le Tour de Langkawi (LTdL) 2002 dan pelancaran LTdL 2003 di sini hari ini.

Katanya, walaupun beliau diberi mandat penuh oleh Jawatankuasa Gaji dan Jawatan Kakitangan Sektor Awam untuk meneliti hasil kajian itu, tetapi ia masih perlu mendapat kelulusan Kabinet.

## Kos tambahan

“Mereka (Jawatankuasa Gaji) memang memberi saya mandat penuh tetapi saya masih perlu mendapatkan kelulusan Kabinet.

“Ia bukan soal saya akan luluskan atau sahkan tetapi soal sama ada Kabinet akan meluluskannya atau tidak,” katanya.

Dr. Mahathir ditanya bilakah kerajaan akan mengumumkan hasil kajian SSB itu selepas Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melakukan semakan terakhir baru-baru ini.

Ketika mempengerusikan Majlis Dialog Belanjawan 2003 awal bulan lalu, Perdana Menteri berkata, kerajaan telah menyerahkan SSB II kepada JPA untuk semakan.

Semakan itu merupakan semakan terakhir sebelum hasil kajian semula itu diperaku dan diluluskan oleh kerajaan.

Antara kesan daripada hasil kajian semula ialah kerajaan terpaksa menanggung kos tambahan sebanyak RM1 bilion.

■ Lihat muka 8

## SSB tunggu Kabinet lulus

UM 15 JUL 2002

SSB yang diperkenalkan pada tahun 1992 menimbulkan rasa kurang puas hati di kalangan kakitangan awam berhubung sistem kenaikan gaji dan pangkat.

Mengikut sistem jadual matriks dalam SSB, hanya lima peratus anggota perkhidmatan awam yang kini berjumlah 960,000 orang layak menerima pergerakan gaji secara menegak dan melintang setiap tahun.

Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menuntut sis-

tem matriks dihapuskan secara automatik atas alasan 95 peratus kakitangan awam kecewa dengan sistem itu.

Awal tahun ini JPA mengemukakan laporan mengenai semakan semula SSB kepada Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan selepas diperkemas oleh jabatan itu dan Cuepacs.

Bagaimanapun Dr. Mahathir mengarahkan JPA meneliti beberapa perkara dalam laporan awal itu kerana ia membabitkan anggaran tambahan RM1 bilion.

Mengenai penangguhan taklimat khas Kabinet berhubung pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, Dr. Mahathir berkata, ia disebabkan oleh ramai menteri yang tidak dapat menghadiri mesyuarat itu.

Katanya, ini kerana pada tarikh asal taklimat itu, kebanyakan menteri berada di Pendang dan Anak Bukit untuk membantu jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN).

“Jadi, kita cadangkan taklimat itu ditangguhkan,” katanya.

Bagaimanapun, tegas Dr. Mahathir, penangguhan itu tidak akan menda-tangkan sebarang masalah kerana kerajaan masih mempunyai banyak masa untuk mengadakan taklimat tersebut.

Katanya, taklimat itu diadakan untuk melihat sama ada pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris itu praktikal atau sebaliknya.

Taklimat khas itu pada mula ditetapkan pada Rabu ini tetapi telah ditangguhkan ke hari Jumaat.